

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERINTAH DARURAT (MAHKAMAH BESAR)  
(RAYUAN-RAYUAN KEPADA PRIVY COUNCIL), 1989

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah berikut :—

Gelaran dan  
Permulaan  
Kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Mahkamah Besar) (Rayuan-Rayuan kepada Privy Council), 1989 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada hari sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini —

“penyusunan” bermakna penyusunan yang dibuat (sama ada sebelum atau selepas Perintah ini dibuat) di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan United Kingdom bagi Great Britain dan Northern Ireland berkenaan dengan rayuan-rayuan dari keputusan Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan perujukannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council.

Penggal 5.

“Mahkamah Besar” bermakna Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Besar.

Rayuan dari  
keputusan  
Mahkamah  
Besar kepada  
Kebawah Duli  
Yang Maha  
Mulia Paduka  
Seri Baginda  
Sultan dan  
Yang Di-  
Pertuan.

3. Menurut penyusunan dan tertakluk kepada syarat-syarat bab ini dan bab 4 di bawah, rayuan-rayuan hendaklah dikemukakan daripada Mahkamah Besar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan rayuan-rayuan itu hendaklah dirujukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council :

Dengan syarat bahawa rayuan itu hendaklah tidak dikemukakan daripada Mahkamah Besar atau mana-mana mahkamah lain di Negara Brunei Darussalam atau daripada Tribunal Tafsiran yang ditubuhkan di bawah bab 86 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam atas sebarang persoalan yang membabitkan makna, tafsiran, pengertian atau kesan sebarang syarat dari Perlembagaan tersebut.

Syarat-syarat  
rayuan.

4. Suatu rayuan di bawah bab 3 hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat tentang kebenaran ataupun sebagaimana yang mungkin ditetapkan menurut penyusunan, dari masa ke semasa oleh undang-undang Negara Brunei Darussalam dan oleh atau di bawah sebarang undang-undang atau Orders in Council United Kingdom yang mengatur perjalanan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council dalam rayuan-rayuan daripada Negara Brunei Darussalam.

- |  |  |
|--|--|
| 5. Apabila menerima daripada Kerajaan Baginda Queen di United Kingdom akan laporan atau saranan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council berkaitan dengan suatu rayuan di bawah bab 3, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah membuat perintah sebagaimana yang mungkin perlu untuk menguatkuasakannya.   | Laporan atau saranan Jawatankuasa Kehakiman. |
| 6. Sebarang rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu yang dibuat di bawah atau menurut kuasa bab 14 dari Akta Mahkamah Besar dan sementara menunggu keputusan sebelum Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya hendaklah dianggap sebagai rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah Perintah ini dan hendaklah diuruskan dengan sewajarnya.   | Rayuan-rayuan yang belum diputuskan.         |
| 7. Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah membuat syarat yang pada pendapatnya adalah perlu atau mustahak untuk menjalankan syarat-syarat Perintah ini dan tanpa menyentuh keluasan makna kuasa yang disebutkan di atas Perintah itu boleh mempersyaratkan amalan dan tatacara yang menentukan rayuan-rayuan dan permohonan-permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu daripada Mahkamah Besar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan perujukannya kepada Jawatankuasa Kehakiman Privy Council. | Amalan dan Tatacara.                         |
| 8. Aturan-Aturan Mahkamah boleh dibuat menurut Akta Mahkamah Besar untuk menguatkuasakan Perintah ini dengan lebih baik lagi.  | Aturan-Aturan. Penggal 5.                    |

Diperbuat pada 20 haribulan Disember, 1989 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**